

# **LAWS OF MALAYSIA**

**Act A1095**

**CONSTITUTION (AMENDMENT) ACT 2001**

Date of Royal Assent ... 8 January 2001

Date of publication in the  
*Gazette* ... .. 11 January 2001

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

## LAWS OF MALAYSIA

## Act A1095

## CONSTITUTION (AMENDMENT) ACT 2001

An Act to amend the Federal Constitution to make provision for the establishment of the Federal Territory of Putrajaya and for matters connected therewith, including the alteration of the boundaries of the State of Selangor.

[ 1/2/2001 ]

WHEREAS the Federation and the State of Selangor had, on 20 July 1995, entered into an agreement providing for the grant in perpetuity to the Federation by the State of Selangor of an area in the District of Sepang in the State of Selangor for use as the Federal Administrative Centre and for other ancillary purposes:

AND WHEREAS the Federation and the State of Selangor have agreed, by an agreement entered into on 7 November 2000, that that area, now known as Putrajaya, should be vested in the Federation as a federal territory to be known as the Federal Territory of Putrajaya:

NOW THEREFORE IT IS **ENACTED** by the Parliament of Malaysia as follows:

## PART I

## PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) This Act may be cited as the Constitution (Amendment) Act 2001.

(2) This Act shall come into operation on 1 February 2001.

## PART II

## THE FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA

**Alteration of boundaries of the State of Selangor**

2. (1) The boundaries of the State of Selangor are hereby altered by the exclusion of the Federal Territory of Putrajaya as described in subsection (2).

(2) The Federal Territory of Putrajaya shall consist of the area as shown in a plan identified by reference to Plan No. P.P. 2-2000—

- (a) prepared by the Director of Survey and Mapping, Selangor;
- (b) dated and certified as a true and correct plan of the area by the Director of Survey and Mapping, Selangor; and
- (c) deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor, together with the document showing the co-ordinates used in the preparation of the plan.

(3) The boundaries and the area of the Federal Territory of Putrajaya as shown in the plan referred to in subsection (2) shall be conclusive evidence of the boundaries and area of the Federal Territory of Putrajaya.

**Exclusion of Federal Territory of Putrajaya from Selangor**

3. The area described in section 2 shall cease to form part of the State of Selangor and the Ruler of the State of Selangor shall relinquish and cease to exercise any sovereignty over such area and all powers and jurisdiction of the Ruler and Legislative Assembly of the State of Selangor in or in respect of such area shall come to an end.

**Jurisdiction over Federal Territory of Putrajaya**

4. The Federation shall exercise sovereignty over the Federal Territory of Putrajaya and all powers and jurisdiction in or in respect of the Federal Territory of Putrajaya shall be vested in the Federation.

**Vesting of lands within the Federal Territory of Putrajaya**

5. (1) The entire property in and control of all lands within the area described in section 2 which immediately before the coming into operation of this Act were vested in the State of Selangor or in any person or authority on its behalf, and all minerals and rock material within or upon any land within such area the rights to which have not been specifically disposed of shall, upon the coming into operation of this Act, without any transfer or conveyance, be vested solely in the Federation and may be disposed of or dealt with in accordance with the National Land Code [Act 56/65], the Mineral (Selangor) Enactment 2000 [Sel. En. No. 1/2000] and the National Forestry Act 1984 [Act 313] as amended or reenacted from time to time.

(2) All estates and interests in any land, mining rights and forest rights within the area described in section 2 which were held by any person from the State of Selangor immediately before the coming into operation of this Act shall continue to be held from the Federation on the same terms and conditions as they were held from the State of Selangor.

**Continuation of existing laws, etc.**

6. (1) All written laws, including those specified in subsection 5(1), other than the Constitution of the State of Selangor, existing and in force in the area described in section 2 immediately before the coming into operation of this Act shall continue to have effect in the Federal Territory of Putrajaya until repealed, amended or replaced by Parliament or repealed under section 7 or, in the case of subsidiary legislation, revoked, amended or replaced by the authority conferred, under any written law, with the power to revoke, amend or replace such legislation.

(2) Where by any of the laws as are referred to in subsection (1) any power or function is vested in the Ruler of the State of Selangor or in any authority of the State of Selangor, that power or function in relation to the Federal Territory of Putrajaya shall be vested in and exercised or performed by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister responsible for the Federal Territory of Putrajaya or such other persons or authorities as the Yang di-Pertuan Agong may by order direct.

(3) Notwithstanding subsection (2), the Yang di-Pertuan Agong may, with the concurrence of the State Authority of Selangor, by order direct that any such power or function may be exercised or performed on behalf of the Federation by the authority of the State of Selangor in which it was vested immediately before the coming into operation of this Act; and while that direction remains in force, such authority of the State of Selangor shall, in regard to the exercise or performance of that power or function, be deemed to be an authority of the Federation.

(4) The Yang di-Pertuan Agong may, whenever it appears to him necessary or expedient to do so for the purpose of removing difficulties in consequence of the passing of this Act, by order make such modifications as he may think fit to any provisions in any of the written laws referred to in subsection (1).

#### **Extension of legislation having effect in Federal Territory of Kuala Lumpur**

7. Upon and after the coming into operation of this Act, any written law having effect only in the Federal Territory of Kuala Lumpur may, by order of the Yang di-Pertuan Agong, be extended to the Federal Territory of Putrajaya with or without modifications, and any such order may provide for the repeal of any of the written laws referred to in subsection 6(1) in its application to the Federal Territory of Putrajaya.

#### **Succession to rights, liabilities and obligations**

8. (1) All rights, liabilities and obligations relating to any matter which was immediately before the coming into operation of this Act the responsibility of the Government of the State of Selangor but which on that day becomes the responsibility of the Federal Government, shall on that day devolve upon the Federation, unless otherwise agreed between the Federal Government and the Government of the State of Selangor.

(2) Where any moneys required to be paid pursuant to any such liability or obligation as is referred to in subsection (1) were immediately before the coming into operation of this Act charged on the Consolidated Fund of the State of Selangor, then, to the

extent to which the liability or obligation devolves upon the Federation on that day, the moneys required for the payment thereof shall be a charge on the Federal Consolidated Fund, but to the extent to which the liability or obligation continues to be the responsibility of the State of Selangor it shall remain charged on the Consolidated Fund of the State of Selangor.

(3) The Attorney General shall on the application of any party interested in any legal proceedings, other than proceedings between the Federation and the State of Selangor, certify whether any right, liability or obligation is by virtue of this section a right, liability or obligation of the Federation or of the State of Selangor; and any such certificate shall for the purposes of those proceedings be final and binding on all courts, but shall not operate to prejudice the rights and obligations of the Federation and the State of Selangor as between themselves.

#### **Succession to civil proceedings**

9. (1) In any legal proceedings relating to civil matters pending on the date of coming into operation of this Act there shall be made such substitution of one party for another as may be necessary to take account of any transfer on that day of jurisdiction or executive authority or of any transfer under this Act of rights, liabilities or obligations.

(2) Any appeal brought on or after the date of coming into operation of this Act against a decision given in any legal proceedings before that day may be brought by or against the party who should, by virtue of subsection (1), have been the appellant or respondent if the proceedings had continued after that day, but, if it is not so brought, subsection (1) shall apply to it as it applies to proceedings pending on that day.

(3) Subsection (2) shall apply with the necessary modifications to proceedings for leave to appeal as it applies to an appeal.

(4) The Attorney General shall, on the application of a party to any proceedings, certify whether any, and if so what, substitution of one party for another is to be made by virtue of subsections (1), (2) and (3) in those proceedings or for the purpose of any

appeal arising out of them; and any such certificate shall, for the purposes of the proceedings or any such appeal, be final and binding on all courts, but shall not operate to prejudice the rights and obligations of the Federation and the State of Selangor as between themselves.

### Continuation of functions of Perbadanan Putrajaya

10. (1) Subject to subsection (2), any modifications made under subsection 6(4) and any order made under section 7, upon the coming into operation of this Act and until Parliament by law provides otherwise, the Perbadanan Putrajaya established under the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536]—

- (a) shall continue to have and to exercise and perform in the Federal Territory of Putrajaya all the powers and duties which it may exercise or is required to perform under that Act and any other written law; and
- (b) shall have, may exercise and shall perform all the powers and duties of a local authority under the Local Government Act 1976 [Act 171] and the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133] or a local planning authority under the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172].

(2) Notwithstanding the provisions of the Perbadanan Putrajaya Act 1995, two persons nominated by the Menteri Besar of Selangor with the approval of the Ruler of the State of Selangor shall be—

- (a) members of the Perbadanan Putrajaya; or
- (b) members of any other body, by whatever name called, replacing the Perbadanan Putrajaya as the administrative authority or local authority of the Federal Territory of Putrajaya; or
- (c) if the Perbadanan is replaced by a *corporation sole* as the administrative authority or local authority of the Federal Territory of Putrajaya, members of any advisory body established for the purposes of such corporation.



PART III

AMENDMENT AND APPLICATION OF CERTAIN PROVISIONS OF  
THE FEDERAL CONSTITUTION IN RESPECT OF THE FEDERAL  
TERRITORY OF PUTRAJAYA

**Amendment of Article 1**

11. Article 1 of the Federal Constitution is amended by substituting for Clause (4) the following Clause:

“(4) The territory of the State of Selangor shall exclude the Federal Territory of Kuala Lumpur established under the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973 [*Act A206*] and the Federal Territory of Putrajaya established under the Constitution (Amendment) Act 2000 and the territory of the State of Sabah shall exclude the Federal Territory of Labuan established under the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984 [*Act A585*], and all such Federal Territories shall be territories of the Federation.”.

**Amendment of Article 3**

12. Article 3 of the Federal Constitution is amended in Clause (5) by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

**Amendment of Article 11**

13. Article 11 of the Federal Constitution is amended in Clause (4) by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

**Amendment of Article 42**

14. Article 42 of the Federal Constitution is amended—

(a) in Clauses (1), (2) and (10), by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”;

- (b) in Clause (3), by substituting for the words “Federal Territory of Kuala Lumpur or the Federal Territory of Labuan, as the case may be,” the words “Federal Territory of Kuala Lumpur, the Federal Territory of Labuan and the Federal Territory of Putrajaya,”; and
- (c) in Clause (11), by substituting for the words “Federal Territory of Kuala Lumpur and the Federal Territory of Labuan” wherever they appear the words “Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

#### **Amendment of Article 45**

15. Article 45 of the Federal Constitution is amended in Clause (1) by substituting for paragraph (aa) the following paragraph:

“(aa) two members for the Federal Territory of Kuala Lumpur, one member for the Federal Territory of Labuan and one member for the Federal Territory of Putrajaya shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong; and”.

#### **Amendment of Article 46**

16. Article 46 of the Federal Constitution is amended—

- (a) in Clause (1), by substituting for the word “ninety-three” the word “ninety-four”; and
- (b) in Clause (2), by substituting for paragraph (b) the following paragraph:
  - “(b) twelve members from the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya as follows:
    - (i) ten members from the Federal Territory of Kuala Lumpur;
    - (ii) one member from the Federal Territory of Labuan;
    - (iii) one member from the Federal Territory of Putrajaya.”.

**Amendment of Article 89**

17. Article 89 of the Federal Constitution is amended in Clause (8)—

- (a) by substituting for the words “apply to the Federal Territory of Kuala Lumpur” the words “apply to the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya”;
- (b) by substituting for the words “application to the Federal Territory of Kuala Lumpur” the words “application to the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya”;  
and
- (c) by inserting after the words “in the Federal Territory of Kuala Lumpur” the words “or the Federal Territory of Putrajaya”.

**Amendment of Article 97**

18. Article 97 of the Federal Constitution is amended in Clause (3) by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

**Amendment of Article 113**

19. (1) Article 113 of the Federal Constitution is amended in Clause (6) by substituting for the words “Federal Territory of Kuala Lumpur and the Federal Territory of Labuan” the words “Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

(2) Upon the commencement of this Act, the area which constitutes the Federal Territory of Putrajaya shall cease to form part of a State constituency, but until the dissolution of the Legislative Assembly of the State of Selangor next following the commencement of this Act, the member of that Assembly elected from such constituency shall, notwithstanding the exclusion of that area from such constituency, continue to be a member of that Assembly.

(3) Until the dissolution of Parliament next following the commencement of this Act, the federal constituency which includes the area which constitutes the Federal Territory of Putrajaya shall continue to exist and the member elected from such constituency shall continue to be a member of Parliament.

### **Amendment of Ninth Schedule**

20. The Ninth Schedule to the Federal Constitution is amended—

(a) in the Federal List—

(i) in sub-item 6(e), by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”; and

(ii) in item 27, by substituting for the words “to the Federal Territory” the words “to the Federal Territories”; and

(b) in the State List, in items 1, 2, 3, 4 and 5, by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

### **Amendment of Thirteenth Schedule**

21. The Thirteenth Schedule to the Federal Constitution is amended in section 3A by substituting for the words “or the Federal Territory of Labuan, as the case may be,” the words “, the Federal Territory of Labuan and the Federal Territory of Putrajaya”.

PART III

AMENDMENT AND APPLICATION OF CERTAIN PROVISIONS OF  
THE FEDERAL CONSTITUTION IN RESPECT OF THE FEDERAL  
TERRITORY OF PUTRAJAYA

**Amendment of Article 1**

11. Article 1 of the Federal Constitution is amended by substituting for Clause (4) the following Clause:

“(4) The territory of the State of Selangor shall exclude the Federal Territory of Kuala Lumpur established under the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1973 [*Act A206*] and the Federal Territory of Putrajaya established under the Constitution (Amendment) Act 2001 [*Act A1095*] and the territory of the State of Sabah shall exclude the Federal Territory of Labuan established under the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984 [*Act A585*], and all such Federal Territories shall be territories of the Federation.”.

**Amendment of Article 3**

12. Article 3 of the Federal Constitution is amended in Clause (5) by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.


**Amendment of Article 11**

13. Article 11 of the Federal Constitution is amended in Clause (4) by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”.

**Amendment of Article 42**

14. Article 42 of the Federal Constitution is amended—

(a) in Clauses (1), (2) and (10), by substituting for the words “Kuala Lumpur and Labuan” the words “Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya”;



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1095**

**AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001**

Tarikh Persetujuan Diraja ... .. 8 Januari 2001

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 11 Januari 2001

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta A1095****AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001**

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, termasuk perubahan sempadan Negeri Selangor.

[ 01 Februari 2001 ]

BAHAWASANYA Persekutuan dan Negeri Selangor telah, pada 20 Julai 1995, membuat perjanjian yang mengadakan peruntukan bagi pemberian untuk selama-lamanya suatu kawasan di dalam Daerah Sepang di Negeri Selangor oleh Negeri Selangor kepada Persekutuan bagi kegunaan sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan dan bagi maksud sampingan yang lain:

DAN BAHAWASANYA Persekutuan dan Negeri Selangor telah bersetuju, melalui suatu perjanjian yang dibuat pada 7 November 2000, bahawa kawasan itu, yang kini dikenali sebagai Putrajaya, patut diletakhakkan pada Persekutuan sebagai wilayah persekutuan yang akan dikenali sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001.



(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2001.

## BAHAGIAN II

### WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

#### **Perubahan sempadan Negeri Selangor**

2. (1) Sempadan Negeri Selangor adalah dengan ini diubah dengan mengeluarkan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2).

(2) Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah terdiri daripada kawasan yang ditunjukkan di dalam pelan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada Pelan No. P.P. 2-2000—

- (a) yang disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor;
- (b) yang ditarik dan diperakui sebagai pelan yang benar dan betul mengenai kawasan itu oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor; dan
- (c) yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor, bersekali dengan dokumen yang menunjukkan koordinat yang digunakan dalam menyediakan pelan itu.

(3) Sempadan dan kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagaimana yang ditunjukkan di dalam pelan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai sempadan dan kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

#### **Wilayah Persekutuan Putrajaya dikeluarkan dari Selangor**

3. Kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 2 tidak lagi menjadi sebahagian daripada Negeri Selangor dan Raja Negeri Selangor hendaklah melepaskan dan tidak lagi boleh menjalankan apa-apa kedaulatan terhadap kawasan itu dan segala kuasa dan bidang kuasa Raja dan Dewan Undangan Negeri Selangor di dalam atau berkenaan dengan kawasan itu hendaklah berakhir.

### **Bidang kuasa terhadap Wilayah Persekutuan Putrajaya**

4. Persekutuan hendaklah menjalankan kedaulatan terhadap Wilayah Persekutuan Putrajaya dan segala kuasa dan bidang kuasa di dalam atau berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah terletak hak pada Persekutuan.

### **Peletakhakan tanah di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya**

5. (1) Seluruh hak harta mengenai dan kawalan ke atas segala tanah di dalam kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 2 yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini telah terletak hak pada Negeri Selangor atau pada mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihaknya, dan segala mineral dan bahan batu di dalam atau di atas mana-mana tanah di dalam kawasan itu yang hak ke atasnya belum lagi dilupuskan dengan khusus hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, tanpa apa-apa pindah hakmilik atau pindah hak, terletak hak semata-mata pada Persekutuan dan boleh dilupuskan atau diuruskan mengikut Kanun Tanah Negara [Akta 56/65], Enakmen Mineral (Selangor) 2000 [Sel. En. No. 1/2000] dan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] sebagaimana yang dipinda atau diperbuat semula dari semasa ke semasa.

(2) Segala hak kepunyaan dan kepentingan mengenai apa-apa tanah, hak melombong dan hak hutan di dalam kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 2 yang dipegang oleh mana-mana orang daripada Negeri Selangor sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus dipegang daripada Persekutuan atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti yang telah dipegang daripada Negeri Selangor.

### **Keberterusan undang-undang yang sedia ada, dll.**

6. (1) Segala undang-undang bertulis, termasuk undang-undang yang dinyatakan dalam subseksyen 5(1), selain Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, yang sedia ada dan berkuat kuasa di dalam kawasan yang diperihalkan dalam seksyen 2 sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya sehingga dimansuhkan, dipinda atau digantikan oleh Parlimen atau

dimansuhkan di bawah seksyen 7 atau, dalam hal perundangan subsidiari, dibatalkan; dipinda atau digantikan oleh pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk membatalkan, meminda atau menggantikan perundangan itu.

(2) Jika apa-apa kuasa atau fungsi terletak hak pada Raja Negeri Selangor atau pada mana-mana pihak berkuasa Negeri Selangor menurut mana-mana undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1), maka kuasa atau fungsi itu berhubung dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah terletak hak pada dan boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya atau mana-mana orang atau pihak berkuasa lain yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Yang di-Pertuan Agong boleh dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri Selangor, melalui perintah, mengarahkan bahawa mana-mana kuasa atau fungsi itu boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihak Persekutuan oleh pihak berkuasa Negeri Selangor yang padanya kuasa atau fungsi itu terletak hak sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini; dan selagi arahan itu masih berkuat kuasa, pihak berkuasa Negeri Selangor itu hendaklah, berkenaan dengan penjalanan atau pelaksanaan kuasa atau fungsi itu, disifatkan sebagai pihak berkuasa Persekutuan.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh, apabila didapatinya perlu atau suaimanfaat untuk berbuat demikian bagi maksud menghapuskan kesulitan oleh sebab lulusnya Akta ini, melalui perintah, membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang disebut dalam subseksyen (1).

#### **Perluasan perundangan yang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

7. Apabila dan selepas Akta ini mula berkuat kuasa, mana-mana undang-undang bertulis yang hanya berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh, melalui perintah Yang di-Pertuan Agong, diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan atau tanpa ubahsuaian, dan mana-mana perintah sedemikian boleh

mengadakan peruntukan bagi pemansuhan mana-mana undang-undang bertulis yang disebut dalam subseksyen 6(1) dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

### **Pewarisan hak, liabiliti dan obligasi**

8. (1) Segala hak, liabiliti dan obligasi yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor tetapi yang pada hari itu menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, hendaklah pada hari itu turun kepada Persekutuan, melainkan jika dipersetujui selainnya antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor.

(2) Jika apa-apa wang yang dikehendaki dibayar menurut apa-apa liabiliti atau obligasi sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) telah sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor, maka, setakat yang liabiliti atau obligasi itu turun kepada Persekutuan pada hari itu, wang yang dikehendaki bagi pembayaran liabiliti atau obligasi itu hendaklah menjadi suatu tanggungan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, tetapi setakat yang liabiliti atau obligasi itu terus menjadi tanggungjawab Negeri Selangor liabiliti atau obligasi itu hendaklah terus dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor.

(3) Peguam Negara hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan dalam apa-apa prosiding undang-undang, selain prosiding antara Persekutuan dengan Negeri Selangor, memperakukan sama ada apa-apa hak, liabiliti atau obligasi ialah hak, liabiliti atau obligasi Persekutuan atau Negeri Selangor menurut kuasa seksyen ini; dan apa-apa perakuan sedemikian adalah bagi maksud prosiding itu muktamad dan mengikat semua mahkamah, tetapi tidaklah berkuat kuasa untuk menjejaskan hak dan obligasi Persekutuan dan Negeri Selangor sesama mereka.

### **Pewarisan prosiding sivil**

9. (1) Dalam mana-mana prosiding berhubung dengan perkara sivil yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dibuat apa-apa penggantian satu pihak dengan pihak

yang lain sebagaimana yang perlu untuk mengambil kira apa-apa pemindahan bidang kuasa atau kuasa eksekutif atau apa-apa pemindahan hak, liabiliti atau obligasi di bawah Akta ini pada hari itu.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini terhadap sesuatu keputusan yang diberikan dalam apa-apa prosiding undang-undang sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap pihak yang sepatutnya, menurut kuasa subseksyen (1), menjadi perayu atau responden jika prosiding itu telah diteruskan selepas hari itu, tetapi, jika tidak dibawa sedemikian, subseksyen (1) hendaklah terpakai baginya sebagaimana subseksyen itu terpakai bagi prosiding yang belum selesai pada hari itu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah terpakai dengan ubahsuaian yang perlu bagi prosiding untuk mendapatkan kebenaran untuk merayu sebagaimana subseksyen itu terpakai bagi rayuan.

(4) Peguam Negara hendaklah, atas permohonan sesuatu pihak kepada apa-apa prosiding, memperakukan sama ada apa-apa penggantian satu pihak dengan pihak yang lain patut dibuat menurut kuasa subseksyen (1), (2) dan (3) dalam prosiding itu atau bagi maksud apa-apa rayuan yang berbangkit daripadanya, dan jika patut apakah penggantian yang patut dibuat; dan mana-mana perakuan sedemikian adalah, bagi maksud prosiding itu atau apa-apa rayuan sedemikian, muktamad dan mengikat semua mahkamah, tetapi tidaklah berkuat kuasa untuk menjejaskan hak dan obligasi Persekutuan dan Negeri Selangor sesama mereka.

### **Keberterusan fungsi Perbadanan Putrajaya**

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), apa-apa ubahsuaian yang dibuat di bawah subseksyen 6(4) dan apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 7, apabila Akta ini mula berkuat kuasa dan sehingga Parlimen memperuntukkan selainnya melalui undang-undang, Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*]—

(a) hendaklah terus mempunyai dan menjalankan dan melaksanakan segala kuasa dan kewajipan di Wilayah Persekutuan Putrajaya yang boleh dijalankan olehnya atau

dikehendaki supaya dilaksanakan olehnya di bawah Akta itu dan apa-apa undang-undang bertulis yang lain; dan

- (b) hendaklah mempunyai, boleh menjalankan dan hendaklah melaksanakan semua kuasa dan kewajipan pihak berkuasa tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] atau pihak berkuasa perancang tempatan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

(2) Walau apa pun peruntukan Akta Perbadanan Putrajaya 1995, dua orang yang dinamakan oleh Menteri Besar Selangor dengan perkenan Raja Negeri Selangor hendaklah menjadi—

- (a) anggota Perbadanan Putrajaya; atau
- (b) anggota mana-mana badan lain, dengan nama apa jua badan itu dikenali, yang menggantikan Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa pentadbiran atau pihak berkuasa tempatan Wilayah Persekutuan Putrajaya; atau
- (c) jika Perbadanan itu digantikan dengan suatu perbadanan seorang sebagai pihak berkuasa pentadbiran atau pihak berkuasa tempatan Wilayah Persekutuan Putrajaya, anggota mana-mana badan penasihat yang ditubuhkan bagi maksud perbadanan sedemikian.

### BAHAGIAN III

#### PINDAAN DAN PEMAKAIAN PERUNTUKAN TERTENTU PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BERKENAAN DENGAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

#### **Pindaan Perkara 1**

11. Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menggantikan Fasal (4) dengan Fasal yang berikut:

“(4) Wilayah Negeri Selangor tidak termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [*Akta A206*] dan Wilayah

Persekutuan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [Akta A1095] dan wilayah Negeri Sabah tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [Akta A585], dan semua Wilayah Persekutuan itu hendaklah menjadi wilayah-wilayah Persekutuan.”

### **Pindaan Perkara 3**

12. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (5) dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

### **Pindaan Perkara 11**

13. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (4) dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

### **Pindaan Perkara 42**

14. Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan dipinda—

- (a) dalam Fasal (1), (2) dan (10), dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”;
- (b) dalam Fasal (3), dengan menggantikan perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya,”; dan
- (c) dalam Fasal (11), dengan menggantikan perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

**Pindaan Perkara 45**

15. Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (1) dengan menggantikan perenggan (aa) dengan perenggan yang berikut:

“(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan”.

**Pindaan Perkara 46**

16. Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan dipinda—

(a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan “sembilan puluh tiga” dengan perkataan “sembilan puluh empat”; dan

(b) dalam Fasal (2), dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) dua belas orang ahli dari Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya seperti yang berikut:

(i) sepuluh orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

(ii) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Labuan;

(iii) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Putrajaya.”.

**Pindaan Perkara 89**

17. Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (8)—

(a) dengan menggantikan perkataan “terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” dengan perkataan “terpakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya”;



- (b) dengan menggantikan perkataan “pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” dengan perkataan “pemakaiannya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” perkataan “atau Wilayah Persekutuan Putrajaya”.

#### **Pindaan Perkara 97**

18. Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (3) dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

#### **Pindaan Perkara 113**

19. (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (6) dengan menggantikan perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan” dengan perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

(2) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Putrajaya tidak lagi menjadi sebahagian daripada bahagian pilihan raya Negeri, tetapi sehingga pembubaran Dewan Undangan Negeri Selangor yang berikutnya selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, ahli Dewan Undangan itu yang dilantik dari bahagian pilihan raya itu hendaklah, walaupun kawasan itu telah dikeluarkan dari bahagian pilihan raya itu, terus menjadi ahli Dewan Undangan itu.

(3) Sehingga pembubaran Parlimen yang berikutnya selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, bahagian pilihan raya persekutuan yang di dalamnya termasuk kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah terus wujud dan ahli yang dipilih dari bahagian pilihan raya itu hendaklah terus menjadi ahli Parlimen.

**Pindaan Jadual Kesembilan**

20. Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda—

(a) dalam Senarai Persekutuan—

(i) dalam subbutiran 6(e), dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”; dan

(ii) dalam butiran 27, dengan menggantikan perkataan “dengan Wilayah Persekutuan” dengan perkataan “dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan”; dan

(b) dalam Senarai Negeri, dalam butiran 1, 2, 3, 4 dan 5, dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

**Pindaan Jadual Ketiga Belas**

21. Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam seksyen 3A dengan menggantikan perkataan “atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya”.